

PM lancar X90 harga bermula RM123,800

Oleh ZAREEN SEJAHAN dan SHAFIQAH SHUKOR
utusannews@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Pengeluar kereta nasional Proton melancarkan secara rasmi model siri X ketiga, X90 yang merupakan Kenderaan Tenaga Baharu (NEV) pada harga bermula RM123,800.

Kenderaan itu dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim sempena ulang tahun ke-40 penubuhan Proton di Pusat Pameran dan Perdagangan Antarabangsa Malaysia (MITEC) di sini.

DaLAM ucapannya, Anwar berbangga dengan pencapaian Proton sehingga kini dan menghargai penghargaan kepada bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad yang melancarkan produk pertama Proton pada tahun 1985.

“Dengan perjalanan Proton selama 40 tahun, Kerajaan Perpaduan ingin mengucapkan terima kasih kepada mantan Tun Dr. Mahathir Mohamad yang mempunyai sumbangan dan peranan yang tinggi.

“Saya juga terkenang bekas Pengerusi DRB-HICOM, Allahyarham Tan Sri Yahaya Ahmad yang menunjukkan kehairahan luar biasa untuk menjayakan Proton,” katanya ketika berucap.

Turut menyertai majlis itu ialah Menteri Pengangkutan,



ANWAR Ibrahim (tiga dari kiri) berbual dengan Pengerusi Geely Holding Group, Eric Li ketika melihat Proton X90 dalam majlis pelancaran kenderaan tersebut di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/ MUHAMAD IQBAL ROSLI

tan, Anthony Loke; Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Senator Datuk Seri Tengku Zafrul Aziz; Menteri Sains, Teknologi, dan Inovasi, Chang Lih Kang dan Duta Besar Republik Rakyat China ke Malaysia, Ouyang Yujing.

Sementara itu, Pengerusi Proton, Datuk Seri Syed Faisal Albar Syed Ali Rethza berkata,

sambutan ulang tahun ke-40 itu merupakan detik penting bagi Proton dan merupakan peluang bagi syarikat untuk mengimbas kembali secara ringkas perjalanan selama ini sambil memandangkan ke masa depan sepanjang empat dekad yang lalu.

“Sumbangan Proton boleh diukur bukan sahaja dengan jum-

lah jualan yang dicapai, tetapi juga dengan bilangan jurutera dan profesional yang mengambil bahagian, peluang pekerjaan yang disediakan, tambahan nilai kepada ekosistem dalam bentuk pembelian barangan tempatan, dan peningkatan keseluruhan terhadap ekonomi negara hasil aktiviti perniagaan kami,” ujarnya.